

Perjuangannya lindungi orang
Melayu dari terpesong

3 langkah Umno bela bangsa dan agama — Sanusi

IPOH, Isnin — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid mensifatkan UMNO sebagai sebuah parti yang unggul di negara ini memperjuangkan agama Islam sedangkan PAS hanyalah parti serpihan dari UMNO.

Katanya, UMNO juga adalah parti terbesar di negeri ini dan adalah parti Islam yang ketiga terbesar di dunia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis taklimat bimbingan ekonomi Bumiputera anjuran Pergerakan Pemuda UMNO, di sini, semalam.

Encik Sanusi menjelaskan, perjuangan UMNO mengembangkan syiar Islam telah dapat melindungi orang Melayu terpesong dan disesatkan oleh dakyah-dakyah anti-Islam.

Katanya, sudah terbukti bahawa UMNO adalah parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu dari segi agama hingga meliputi bidang ekonomi, politik dan sosial.

Islam

Katanya, UMNO mengambil tiga langkah dalam memperjuangkan kepentingan Melayu dan menegakkan syiar Islam melalui kaedah menghalang, menyediakan kemudahan dan menghukum.

Menurutnya, UMNO memelihara kesucian agama Islam dari dakyah agama-agama lain yang ingin mencemarkan Islam.

Sementara itu, UMNO juga mengadakan bantuan-bantuan kewangan untuk pembangunan Islam seperti menyediakan basiswa untuk

pelajar-pelajar mendapat didikan sempurna dan membina masjid-masjid untuk menegakkan syiar Islam

Katanya, kaedah yang ketiga ialah mengenakan hukuman terhadap umat Islam yang terkeluar dari agama Islam dengan mengenyahkan mereka dari memperolehi sebarang kemudahan serta peluang yang diuntukkan untuk Bumiputera.

Encik Sanusi turut mengumumkan Syarikat Shamelin mendapat keuntungan sebanyak \$5 juta, tahun lalu.

Katanya, Shamelin akan mengeluarkan bonus kepada ahli-ahlinya sebanyak 50 peratus daripada saham syarikat itu dan dividen sebanyak 10 peratus.

Keahlian

Beliau berharap lebih ramai akan menjadi ahli Syarikat Shamelin.

Mengenai pengusaha Bumiputera, Menteri itu berkata mereka tidak harus bersikap mengejar kebendaan dan keuntungan.

"Sikap sedemikian akan menjadi penghalang kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)," tambahnya.

Katanya, mereka yang benar-benar berminat untuk menceburi bidang perniagaan dan perindustrian hendaklah mendalami cara pengurusan, kewangan dan tatacara.

Turut hadir di majlis taklimat itu, Pengerusi MARA, Dr. Nawawi Mat Awin, Ahli Exco Negeri, Encik Ramly Ngah Talib, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Encik Hamdan Hazizi dan ketua-ketua bahagian UMNO.